

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Biodiesel tingkat kegunaan minyak sawit

● MUKA 3

K Yogeesvaran dilantik KSU MPIC

● MUKA 4



Insentif RM130 juta bantu pekebun kecil sawit miliki sijil MSPO

➔ Pemberian insentif dapat kurangkan beban kewangan pekebun kecil laksana MSPO yang akan dimandatorikan pada 2019

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Putrajaya

Kerajaan bersetuju menyalurkan insentif penuh berjumlah RM130 juta kepada semua pekebun kecil sawit untuk membantu mereka mendapatkan pensijilan Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) secara percuma, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

Menjelang pelaksanaan mandatori MSPO pada akhir tahun 2019, pemberian insentif berkenaan dapat mengurangkan bebanan kewangan kepada pekebun kecil bagi menampung yuran pengauditan pensijilan tersebut.

“Kita merancang untuk melaksanakan audit secara berkelompok ke atas hampir 650,000 pekebun kecil melibatkan keluasan hampir 2 juta hektar ladang sawit,” katanya pada sidang media di sini.

Buat masa ini, beliau berkata hanya empat peratus atau kira-kira 244,622 hektar ladang termasuk 7,113 hektar diusahakan pekebun kecil serta 22 kilang yang memiliki secara sukarela sijil MSPO sejak ia



Dengan pemberian insentif itu juga kementerian mensasarkan menjelang akhir tahun ini, hampir 500,000 hektar ladang sawit akan memiliki pensijilan MSPO dan angka tersebut akan terus meningkat pada tahun hadapan”

*Datuk Seri Mah Siew Keong,
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi*

mula diperkenalkan pada Januari 2015.

Industri sawit terus mampan

“Kita tidak mahu kerana pensijilan tersebut membabitkan kos yang tinggi hanya ladang yang dimiliki syarikat mampu untuk memiliki MSPO dan pekebun kecil pastinya merasa terpinggir,” katanya.

Mah berkata pemberian insentif itu akan melibatkan 40 peratus daripada 5.7 juta hektar keseluruhan penanaman kelapa sawit di Malaysia.

“Dengan pemberian insentif itu juga kementerian mensasarkan menjelang akhir tahun ini, hampir 500,000 hektar ladang sawit akan memiliki pensijilan MSPO dan angka tersebut akan terus meningkat pada tahun hadapan.

“Kementerian juga akan membuat ‘roadshow’ bagi memberi penerangan kepada pekebun kecil mengenai kepentingan memiliki sijil MSPO terutama untuk memastikan industri sawit tempatan terus mampan pada masa depan,” katanya.

Menerusi pelaksanaan skim pensijilan MSPO, beliau berkata produk sawit akan mendapatkan nilai premium di pasaran antarabangsa selaras dengan permintaan

Fakta nombor

650,000

PEKEBUN KECIL
bakal diaudit secara berkelompok

2 JUTA HEKTAR
keluasan ladang sawit pekebun kecil

4 PERATUS
ladang miliki sijil MSPO secara sukarela

negara seperti Eropah yang hanya membenarkan untuk mengimport produk sawit dengan pensijilan yang diiktiraf.

Lebih sesuai dilaksanakan

Berbanding proses pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO), MSPO dilihat lebih sesuai dilaksanakan di negara ini serta kos pelaksanaannya yang lebih rendah.

“Walaupun buat masa ini tiada negara yang mengiktiraf sijil MSPO, kita mengharapkan dengan pelaksanaan mandatori menjelang akhir 2019 nanti secara langsung menunjukkan bahawa MSPO adalah sijil yang dibangunkan berdasarkan undang-undang dan peraturan domestik turut memiliki amalan keselamatan terbaik,” katanya.

“Kami yakin MSPO akan diterima baik oleh pemain industri tempatan dan seterusnya pihak kementerian akan mempromosi secara giat pensijilan MSPO di luar negara bagi memastikan ianya diiktiraf di pasaran antarabangsa,” katanya.

Mah berkata maklumat lanjut berkenaan insentif dan langkah-langkah permohonan akan dimuat naik di laman sesawang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam masa terdekat.

Pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia atau Malaysia Sustainable Palm Oil (MSPO) yang akan dilaksanakan meliputi sektor perladangan dan pekebun kecil serta kilang minyak sawit bertujuan memastikan penghasilan minyak dan produk sawit berkualiti, selamat dan bernilai premium di pasaran antarabangsa. Pensijilan mampam minyak sawit adalah sejajar usaha penjenamaan minyak sawit Malaysia bagi mempertingkatkan penguasaan pasaran minyak sawit global. Pada masa ini, negara-negara Eropah hanya membenarkan pengimportan produk sawit dengan pensijilan mampam yang diiktiraf.

Pensijilan MSPO akan dilaksanakan secara mandatori menjelang akhir tahun 2019. Hampir 650,000 pekebun kecil sawit di seluruh negara mengusahakan tanaman sawit dengan keluasan melebihi dua juta hektar perlu dibantu bagi memperoleh sijil MSPO. Justeru, kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) baru-baru ini mengumumkan insentif bagi membantu pekebun kecil sawit memiliki sijil MSPO.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong mengumumkan insentif berjumlah RM130 juta bagi membantu semua pekebun kecil untuk mendapatkan pensijilan MSPO secara percuma. Insentif kerajaan dapat mengurangkan beban kewangan

pekebun kecil bagi menampung yuran pengauditan pensijilan MSPO. Melalui pemberian insentif, MPIC mensasarkan 500,000 hektar tanaman sawit milik pekebun kecil akan mempunyai pensijilan MSPO menjelang akhir tahun 2019.

Bagi memastikan pelaksanaan pensijilan MSPO berjalan lancar, pihak Kementerian giat mengadakan *roadshow* bagi memberi penerangan kepada pekebun kecil mengenai kepentingan memiliki sijil MSPO bagi meningkatkan pendapatan dan pembangunan mampam industri sawit negara.

Untuk pengetahuan pekebun kecil, proses pensijilan MSPO adalah di bawah tanggungjawab Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC). Badan ini yang menetapkan proses pensijilan dan syarat-syarat yang diperlukan untuk mendapatkan pensijilan. Ia juga bertanggungjawab mengesahkan badan pensijilan yang menjalankan proses pengauditan untuk pekebun kecil.

Pekebun kecil disaran untuk berusaha dan memberi kerjasama bagi memastikan pelaksanaan pensijilan MSPO dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

Kementerian dan agensi di bawahnya seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dengan kerjasama pihak industri giat menjalankan usaha memperluaskan pasaran dan penyebaran maklumat sawit kepada pihak yang terbabit dalam perdagangan dan pengguna minyak sawit pada peringkat global.

Bagi menghebahkan dan berkongsi maklumat industri sawit, MPOB dan Kementerian Luar Negeri (KLN) bekerjasama melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (Malaysian Technical Cooperation Programme - MTCP) menganjurkan Program Suai Kenal Industri Sawit (Palm Oil Familiarisation Programme - POFP) secara tahunan.

Program yang memasuki siri ke-37 penganjuran pada tahun ini menyediakan ruang interaksi dengan penggiat industri minyak dan lemak serta pengguna minyak sawit seluruh dunia. POFP memberi peluang kepada peserta luar negara untuk mendapat maklumat jelas mengenai perkembangan industri sawit Malaysia, di samping berpeluang meninjau operasi industri dan kemajuan bidang penyelidikan melalui siri lawatan ke ladang, kilang dan makmal sepanjang program berkenaan.

Maklumat yang dikongsi oleh peserta POFP 2017 mengenai kemajuan industri sawit dan keistimewaan minyak sawit yang mengandungi pelbagai khasiat seperti fitonutrien yang kaya vitamin E dan A. Sawit adalah tanaman paling produktif, pelbagai guna, kos efektif dan dibangunkan secara mampam. Industri sawit menyediakan sumber pekerjaan dan tuggak ekonomi Malaysia yang memberi peluang kepada lebih empat juta orang termasuk pekebun kecil.



MINDA
Dr Ahmad
Kushairi Din
Ketua Pengarah
MPOB



Datuk Seri Mah Siew Keong berucap pada majlis taklimat khas untuk ahli Majlis Senator Malaysia.

Taklimat sektor sawit, getah kepada Majlis Senator Malaysia

➔ Kementerian ambil langkah positif jamin tingkat daya saing sawit

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Kuala Lumpur

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong memberi jaminan bahawa kerajaan akan berusaha meningkatkan daya saing industri sawit bagi memastikan industri itu terus menyumbang kepada nilai eksport negara dan pekebun kecil terus menikmati manfaatnya.

Beliau berucap pada Majlis Taklimat Isu-Isu dan Pelaksanaan Aktiviti Industri Sawit dan Getah Negara, berkata sejak tanaman sawit mula diperkenalkan di negara ini 100 tahun lalu, ia berkembang menjadi satu industri yang telah mentransformasi sektor pertanian negara dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Katanya, melalui perancangan strategik serta pelbagai inisiatif yang diambil oleh kerajaan dalam membangunkan industri sawit ini, Malaysia kini menjadi salah sebuah negara pengeluar dan pengeksport sawit terbesar dunia.

"Kawasan tanaman sawit negara telah menjangkau seluas 5.74 juta hektar dengan pengeluaran sebanyak 17.31 juta pada tahun 2016, di mana 40 peratus daripada keluasan

tanaman sawit ini dimiliki oleh pekebun kecil.

Katanya, pada tahun 2016, eksport produk sawit berjumlah RM67.6 bilion iaitu menyumbang kira-kira 8.6 peratus daripada jumlah eksport barangan negara. Industri ini menyumbang kira-kira 8 peratus KDNK.

Berdepan pelbagai cabaran

"Walau bagaimanapun, industri sawit terus berdepan dengan pelbagai cabaran dan persepsi negatif oleh kumpulan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mengaitkan pembangunan industri sawit oleh negara-negara pengeluar sawit sebagai tidak mampam dan mencemarkkan alam sekitar.

Katanya, usaha yang telah dilaksanakan oleh negara pengeluar sawit bagi pengeluaran minyak sawit mampam juga tidak diiktiraf.

"Langkah terbaru yang diambil termasuklah tindakan Parlimen Kesatuan Eropah (EU) meluluskan Resolusi mengenai Palm Oil and Deforestation of Rainforests serta cadangan Kerajaan Perancis untuk tidak membenarkan import bio bahan api daripada sawit. Tindakan oleh EU ini boleh menjejaskan eksport produk sawit negara.

Katanya, bagi menangani isu terbabit, kementeriannya mengambil langkah positif dengan memperkenalkan Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO).

"MSPO diperkenalkan sejak tahun 2015. Skim MSPO ini akan dilaksanakan secara mandatori mulai 31 Disember 2019. Pelaksanaan MSPO secara mandatori ini akan meliputi seluruh rantai pengeluaran sawit termasuklah pekebun kecil.

"Langkah ini adalah sebagai bukti kesungguhan Malaysia untuk memastikan pengeluaran sawit negara

secara mampam dan mesra alam selaras permintaan pasaran global terhadap minyak sawit mampam," katanya.

Pada majlis sama, Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr. Ahmad Kushairi Din melalui taklimatnya berkaitan skim insentif pekebun kecil persendirian, berkata Kerajaan melalui MPOB menyalurkan pelbagai bantuan bagi membantu pekebun kecil persendirian.

Bantuan yang disediakan Kerajaan kepada pekebun kecil sawit antaranya ialah Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK); Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK); Insentif Integrasi Tanaman (ITa); dan Insentif Integrasi Ternakan (ITe).

"Bantuan yang disediakan bertujuan meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui tanam semula dan tanam baharu sawit di samping meningkatkan purata nasional hasil buah tandan segar pekebun kecil sawit kepada 22 tan sehektar menjelang tahun 2020.

Katanya, melalui bantuan integrasi tanaman dan ternakan, pekebun kecil digalakkan melaksanakan integrasi bagi menjana pendapatan tambahan di samping mengoptimalkan penggunaan tanah.

Majlis taklimat yang dihadiri oleh Ahli Majlis Senator Malaysia (MSM) turut diberi taklimat berkaitan topik resolusi EU terhadap minyak sawit dan penyahutan tropika, pelaksanaan MSPO dan Bantuan Musim Tengkujuh bagi pekebun kecil getah.

Majlis berkenaan turut dihadiri Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad dan Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Biodiesel tingkat kegunaan minyak sawit

➔ Kerajaan sokong penyelidikan berterusan, sedia geran industri

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

Shah Alam

Kerajaan melihat sektor biodiesel sawit sebagai satu cabang penting dalam mempelbagaikan penggunaan sawit, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong.

“Disebabkan itu, selain Dasar Bio Bahan Api Negara, kerajaan juga menyokong penyelidikan berterusan dengan menyediakan geran untuk industri sawit dan hiliran termasuk industri biodiesel sawit sebagai langkah tambah nilai,” katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Biodiesel Sawit (1st Palm Biodiesel Conference) di sini, baru-baru ini.

Katanya, kerajaan melancarkan Dasar Bio Bahan Api Negara (National Biofuel Policy - BNP) pada Mac 2006 dengan lima strategi teras iaitu pengangkutan, industri, teknologi, eksport dan persekitaran yang bersih.

“Ia adalah dasar utama yang menyokong industri biodiesel Malaysia yang memberi tumpuan kepada pengkomersialan, penggunaan, penyelidikan, teknologi dan eksport biodiesel.

“NBP adalah penting kerana ia menggalakkan penggunaan sumber tenaga yang mesra alam, lestari dan berdaya maju untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan bakar fosil.

“NBP juga menggalakkan permintaan untuk minyak sawit dan ini mampu meningkatkan kesejahteraan semua pihak berkepentingan dalam industri pertanian



Datuk Seri Mah Siew Keong melawat pameran MPOB yang diadakan sempena Persidangan Biodiesel Sawit.

dan komoditi berdasarkan harga yang stabil,” katanya.

Dasar Industri Bio Bahan Api Malaysia 2007 mula berkuatkuasa pada 1 Ogos 2008. Dasar tersebut disediakan untuk mengawal selia dan memastikan pembangunan industri bio bahan api negara yang teratur.

Tetapkan jenis biobahan api

Ini termasuk menetapkan jenis biobahan api yang digunakan, peratusan adunan, aktiviti pelesenan yang berkaitan dengan industri biobahan api dan mandat negara untuk menggabungkan biodiesel sawit dengan diesel untuk kegunaan tempatan.

Piawaian Malaysia yang berkaitan dibangunkan iaitu MS 2008 (untuk Methyl Ester tulen atau biodiesel sawit) dan MS 123 (untuk Diesel Petroleum) bagi menetapkan

kan standard kualiti penggunaan biodiesel sawit yang dicampur dengan diesel mengikut mandat negara. Piawaian ini dimodelkan dan ditanda aras dengan EN 14214 piawaian biodiesel Eropah.

Dengan dasar, undang-undang dan piawaian yang ditetapkan, pelaksanaan mandatori biodiesel kebangsaan untuk sektor pengangkutan dengan campuran 5% PME dengan diesel telah bermula pada Jun 2011.

Siew Keong berkata, walaupun pelaksanaannya berjaya, namun ia mempunyai cabaran sendiri.

Pelaksanaan program B5 (adunan 5 peratus biodiesel sawit dengan 95 peratus diesel petroleum) yang berjaya memberi keyakinan kepada kerajaan untuk melaksanakan program B7 (adunan 7 peratus biodiesel sawit dengan 93 peratus diesel petroleum) bagi sek-

tor pengangkutan untuk Semenanjung Malaysia pada bulan November 2014 dan seluruh negara dari bulan Disember 2014.

Ini meningkatkan pengambilan minyak sawit mentah (MSM) daripada 250,000 tan setahun (B5) sehingga 350,000 tan setahun (B7).

Pada masa ini, adunan 10 peratus biodiesel sawit dengan 90 peratus diesel (B10) telah menjalani ujian komprehensif dan ujian lapangan jangka panjang di dalam negara dan mematuhi piawaian gabungan biodiesel antarabangsa.

Sebagai contoh, sejak Januari 2014, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menguji biodiesel dalam 50 kenderaannya yang menggunakan biodiesel B10 tanpa masalah. Oleh itu, program B10 dapat dilaksanakan tanpa masalah teknikal kepada kenderaan.

POFP beri pendedahan sawit peringkat antarabangsa



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur ketika merasmikan POFP 2017.

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Putrajaya: Malaysia akan terus melaksanakan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam industri sawit untuk meningkatkan produktiviti, taraf mekanisasi dan automasi serta mengurangkan pembebasan gas rumah hijau (GHG) oleh keseluruhan rantaian industri itu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata aktiviti R&D yang mendalam dari aspek kesihatan dan nutrisi turut dilaksanakan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

“Minyak sawit telah dituduh sebagai lelembak tepu yang memudaratkan kesihatan. Tanggapan salah ini perlu diperbetulkan. Minyak sawit mempunyai kandungan asid lemak tepu dan tidak tepu yang seimbang pada kadar 50 peratus setiap satu.

“Ianya telah dibuktikan secara

saintifik bahawa minyak sawit tidak memberi kesan negatif kepada paras kolesterol,” beliau berkata semasa Majlis Perasmian Program Suai Kenal Industri Sawit (POFP) 2017 di sini baru-baru ini. Teks ucapan beliau telah dibaca oleh Timbalannya, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur.

Lebih 30 peserta daripada 14 negara pengeluar dan pengimport minyak sawit menghadiri program mengenali industri sawit anjuran bersama MPOB dan Kementerian Luar Negeri (KLN) di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

Lawat fasiliti syarikat

Peserta telah menghadiri sesi taklimat, melawat fasiliti syarikat minyak sawit dan MPOB serta mengadakan perbincangan bersama penggiat industri sawit sepanjang program lima hari itu.

Mah berkata minyak sawit mengandungi fitonutrien seperti karotenoid (Vitamin A), tokotrienol (Vitamin E), fitosterol dan enzim

sampingan Q10 yang memiliki manfaat kesihatan seperti antioksidan, pencegah barah dan penurunan kadar kolesterol.

“Oleh itu, kita boleh rumuskan bahawa minyak sawit adalah satu minyak yang versatil. Ianya asli, menyeluruh, kos efektif untuk dihasilkan dan sesuai untuk pelbagai aplikasi,” tambah beliau.

Mah berkata sejak penanaman sawit secara komersial dilaksanakan pada 1917, industri sawit Malaysia berkembang maju dan memberi sumbangan penting kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Selain merupakan antara penyumbang besar kepada ekonomi, industri sawit Malaysia telah membantu membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar dan membuka 2 juta peluang pekerjaan termasuk kepada 650,000 pekebun kecil.

Beliau berkata industri sawit Malaysia merupakan antara industri yang dikawal rapi dengan undang-undang dan ianya mengamalkan amalan mampan dalam aktiviti-nya.

Belia disaran ceburi sektor komoditi

➔ MPOB tubuh PLASMA latih belia tempatan

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

► Lahad Datu

Kerajaan akan memperkasa usaha menarik minat lebih ramai rakyat tempatan bekerja di sektor perladangan sawit, sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing yang kini mencecah lebih 300 ribu di sektor itu.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, berkata kebanyakan pekerja asing menyumbang kepada masalah sosial yang membebankan negara di samping memberi risiko kepada industri sawit negara.

“Kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing membawa risiko kepada industri sawit negara sekiranya mereka tidak lagi berminat untuk bekerja di Malaysia atau berlaku perubahan dasar di negara mereka,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian Seminar Keperluan Latihan Kemahiran Dalam Memperkasa Modal Insan Di Sektor Komoditi Sawit dan Pelancaran Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC) Lahad Datu, di sini.

Katanya, walaupun sektor perladangan sawit menyediakan peluang pekerjaan yang luas, na-



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur memalu gong sebagai simbolik perasmian seminar di Lahad Datu, Sabah.

mun kekurangan minat penduduk tempatan menyebabkan syarikat perladangan terpaksa menggaji pekerja asing.

Tubuh PLASMA

“Bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, kerajaan melalui agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengambil inisiatif menubuhkan Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) di Keratong, Pahang dan Lahad Datu, Sabah.

Sehingga kini, lebih 2,500 orang sudah berjaya dilatih melalui PLASMA Keratong, Pahang dan lebih 75 peratus menceburi sektor perladangan, terutamanya kerja yang membabitkan pengendalian jentera.

Katanya, PLASMA Lahad Datu turut menawarkan program atau kursus dalam industri sawit yang menawarkan kemahiran untuk belia daripada Sabah dan Sarawak, termasuk dalam bidang pengendalian

jentera seperti PLASMA Keratong, Pahang.

“Dengan pembabitan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) dan PLASMA sebagai *Centre of Excellence* dalam menyediakan keperluan latihan kemahiran di sektor perladangan sawit, saya percaya tahap penggunaan jentera ladang akan dapat ditingkatkan dan seterusnya mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing,” katanya.

Beliau menambah, penggunaan jentera dan teknologi perladangan imej atau persepsi negatif kerja ladang iaitu 3D: *dirty, difficult, dangerous* (kotor, sukar, berbahaya) tidak wujud lagi dan akan digantikan dengan 3S, iaitu Selamat, Senang dan Seronok.

Katanya, komitmen pihak pengurusan ladang juga penting bagi meningkatkan penggunaan jentera, terutama untuk aktiviti pemungutan Buah Tandam Segar (BTS) di ladang.

Penggunaan jentera terbukti

dapat meningkatkan produktiviti dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja sehingga 40% berbanding penggunaan secara manual.

“Sebagai galakan penggunaan jentera perladangan, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, sejumlah RM4.5 juta di peruntukkan bagi membantu sektor perladangan membeli jentera dengan subsidi sehingga 20 peratus di bawah Skim OPIMIS (Oil Palm Industry Mechanisation Incentive Scheme).

Skim ini antara inisiatif kerajaan untuk meningkatkan produktiviti sektor perladangan sawit negara dengan menawarkan insentif penggunaan jentera perladangan.

“Dengan penggunaan jentera ladang sawit secara lebih meluas, ini akan dapat meningkatkan kecekapan industri perladangan sawit dan meningkatkan pendapatan pengusaha ladang dan pekebun kecil,” katanya.

K Yogeessvaran dilantik KSU MPIC

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Putrajaya: Timbalan Ketua Pengarah Program National Transformation Advancement, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Datuk K. Yogeessvaran dilantik sebagai Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) berkuatkuasa pada 9 Ogos 2017.

Datuk K. Yogeessvaran mengambil alih jawatan Datuk M Nagarajan yang sudah bersara daripada perkhidmatan di MPIC sebagai KSU di kementerian itu.

Berkhidmat lebih 35 tahun

Yogeessvaran sudah berkhidmat dalam perkhidmatan awam lebih 35 tahun apabila menyertai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik pada 1 Disember 1981.

Beliau berpengalaman luas dalam bidang analisa ekonomi dan pengurusan kewangan menerusi kerjaya perkhidmatannya.

Ia termasuk Ketua Penolong Pengarah Bahagian Analisa Ekonomi Luar Bandar EPU; Pengarah Seksyen Industri Perkhidmatan EPU dan Timbalan Ketua Pengarah Program National Transformation Advancement.

Pusat khidmat 1Komoditi Lahad Datu dilancar

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Lahad Datu: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menubuhkan Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC) di Bangunan Anjung Getah, Stesen Penyelidikan MPOB Lahad Datu sebagai langkah menyediakan perkhidmatan dan khidmat nasihat di bawah satu bumbung untuk semua komoditi di bawah kawal selia kementerian berkenaan.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur berkata, dengan penubuhan 1CSC, pekebun kecil yang terlibat dengan

tanaman sawit, getah, koko atau lada hanya perlu berurusan dengan satu pejabat untuk merujuk urusan masing-masing.

“Pekebun kecil tidak lagi perlu ke sana, ke sini semata-mata untuk berurusan mengenai tanaman komoditi masing-masing.

Di bawah satu bumbung

Dengan 1CSC semuanya berada di bawah satu bumbung dan ini merupakan satu kemudahan untuk pekebun kecil kita,” tambah beliau.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan di 1CSC adalah seperti perkhidmatan nasihat asas berkenaan semua komoditi, permohonan lesen, permohonan insentif serta bantuan, permohonan lati-

han dan juga untuk sebarang pertanyaan dan aduan berkenaan sektor komoditi.

Tiga 1CSC telah diwujudkan

Bagi tahun 2016, tiga 1CSC telah diwujudkan iaitu di Sungai Petani Kedah, Kedah; Tawau, Sabah; dan Betong, Sarawak.

“Manakala bagi 2017 pula sebanyak tiga ditubuhkan iaitu 1CSC-Teluk Intan, Perak; Jitra, Kedah; dan Lahad Datu, Sabah,” kata beliau pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Keperluan Latihan Kemahiran Dalam Memperkasa Modal Insan Di Sektor Komoditi Sawit dan Pelancaran Pusat Khidmat 1Komoditi (1CSC) Lahad Datu, di sini.



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur menandatangani plak sebagai simbolik perasmian 1CSC Lahad Datu.

Santan sawit berpotensi dieksport

➔ Produk miliki kelebihan nutrisi seimbang, sumber antioksidan terbaik

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Seri Kembangan

Santan sawit yang dihasilkan dengan teknologi MPOB mempunyai potensi eksport ke negara-negara di rantau Asia. Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur, berkata antara negara yang berpotensi menjadi pembeli santan sawit adalah Indonesia, Brunei, Thailand dan Myanmar.

“Santan antara bahan utama da-

lam masakan di negara seperti Indonesia, Brunei, Thailand dan Myanmar. Ianya berpotensi untuk dieksport,” kata beliau selepas melawat fasiliti pengeluaran santan sawit di Premium Food Corporation Sdn Bhd (PFC) di sini, baru-baru ini.

Yang turut bersama beliau semasa melawat fasiliti PFC adalah Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Pengarah Urusan Premium Food Corporation Dato’ Ir. Zainal Bachik.

Hasil santan dengan guna minyak sawit olein

Premium Food Corporation merupakan syarikat yang telah mengkomersialkan teknologi MPOB untuk menghasilkan santan dengan menggunakan minyak sawit olein.

Santan ini turut memiliki kelebihan nutrisi sawit seperti kandungan lemak tepu dan tidak tepu yang seimbang. Ianya juga kaya dengan tokotrienol (Vitamin E) yang merupakan sumber antiok-

sida terbaik.

MPOB telah memperkenalkan santan sawit pada tahun 2000. Tiga teknologi berkaitan dengan penghasilan santan sawit iaitu Santan Sawit Serbuk, Santan Sawit Cecair dan Santan Sawit PLUS telah dihasilkan oleh MPOB.

Santan Sawit PLUS telah dilancarkan semasa Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi MPOB 2016.

Selain memiliki kebaikan formula produk santan sawit terdahulu,

Santan Sawit PLUS boleh disimpan pada suhu bilik dan tahan lebih lama sehingga 10 bulan. Ini menjadikan Santan Sawit PLUS mempunyai prospek yang cerah untuk dijadikan bahan eksport.

Sehingga kini terdapat dua syarikat menggunakan teknologi MPOB untuk menghasilkan santan sawit, iaitu Premium Food Corporation dan FELCRA Sdn Bhd.

Mengimbas kembali kenangan lampau, Nasrun berkata pada sua-



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur dan Dr Ahmad Kushairi Din (kanan) diberi penerangan mengenai penghasilan santan sawit ketika meninjau fasiliti kepunyaan PFC.

tu ketika dahulu minyak masak dimonopoli oleh kelapa.

Mampu jadi pilihan utama

“Minyak sawit baharu ketika itu dan ramai yang tidak tahu mengenainya. Kini minyak sawit me-

rupakan minyak masak utama di negara ini,” tambah beliau.

Nasrun yakin fenomena yang sama akan berlaku untuk santan di mana santan sawit akan menjadi pilihan utama di Malaysia dan negara serantau.

Interaksi MPOB, MOPNA lihat hala tuju tapak semeaian sawit

Oleh Humaira Mat Taib
humaira@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Pengusaha Semaian Sawit Malaysia (MOPNA) mengadakan pertemuan bagi membincangkan hala tuju berkaitan sektor tapak semeaian sawit serta pembangunan industri sawit negara, di ibu pejabat MPOB di sini, baru-baru ini.

Program ini selaras dengan inisiatif MPOB bertemu dan berinteraksi dengan pihak industri sawit dari pelbagai sektor.

Antara isu yang dibincangkan ketika pertemuan MPOB, MOPNA adalah berkaitan penguatkuasaan mandatori pensijilan CoPN, lesen tapak semeaian sawit, status Skim Bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK), penggunaan Sure Sawit Kit, harga biji benih dan proses pengambilan pekerja asing.

MOPNA diketuai oleh Presidennya, Tan Kim Tun dan sembilan ahli jawatankuasa penguasaan tertinggi persatuan itu. Manakala MPOB diwakili oleh Ketua Pengarah, Dr Ahmad Kushairi Din dan pegawai kanan.

Ruang perbincangan

Interaksi ini menyediakan ruang perbincangan bagi kedua-dua pihak untuk meningkatkan hubungan dua hala, di samping bertukar maklumat dan pandangan mengenai program dan



Dr Ahmad Kushairi Din ketika mempengerusikan sesi interaksi MPOB dan MOPNA yang dihadiri Presidennya, Tan Kim Tun (dua dari kanan).

peraturan yang dilaksanakan oleh MPOB demi kesejahteraan industri sawit negara.

Dr Kushairi berkata, interaksi seumpama ini adalah pendekatan terbaik supaya segala masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan segera untuk kebaikan bersama. Di samping itu, pertemuan ini juga dapat menjana idea dan strategi baharu melalui perbincangan bersama yang sekali gus boleh dipertimbangkan oleh MPOB untuk kebaikan industri sawit.

MOPNA berharap MPOB dapat memanjangkan tempoh kursus berkaitan pengurusan dan penyelenggaraan tapak semeaian sawit supaya pengusaha tapak semeaian mendapat pen-

dedahan serta pengetahuan yang secukupnya terutama mengenai peraturan dan panduan pensijilan CoPN bagi usaha-hakan tapak semeaian seperti yang ditetapkan oleh MPOB.

MOPNA bersedia untuk bekerjasama dengan MPOB bagi menambah baik sektor tapak semeaian untuk menjamin kualiti dan kuantiti anak benih sawit yang dibekalkan.

Adalah diharapkan melalui kerjasama MPOB dan MOPNA, ianya meningkatkan kualiti anak benih sawit terutamanya yang dibekalkan kepada pekebun kecil penerima skim bantuan MPOB dan seterusnya kesejahteraan industri sawit negara.

100 ANNIVERSARY
MALAYSIAN PALM OIL INDUSTRY 1917-2017

PIPOC 2017
MPOB INTERNATIONAL PALM OIL CONGRESS & EXHIBITION

THE PREMIERE OIL PALM EVENT IS BACK

For more information, please contact:
pipoc2017@mpob.gov.my
or visit MPOB website at
www.mpob.gov.my

TREASURING THE PAST CHARTING THE FUTURE

14-16 NOVEMBER 2017
Kuala Lumpur Convention Centre,
Kuala Lumpur, Malaysia

Book your place now to make sure you will be one of them

Sistem pengurusan perosak bersepadu sawit

➔ Penyelidikan MPOB bangunan sistem kawalan biologi untuk banteras ulat bungkus

Oleh Dr Mohamed Mazmira Mohd Masri dan Dr Norman Kamarudin mazmira@mpob.gov.my norman@mpob.gov.my

Pengurusan tanaman sawit menerusi Amalan Pertanian Baik memberi pulangan hasil yang tinggi kepada pengusaha ladang dan pekebun kecil. Selain penanaman dengan benih sawit berkualiti dan pembajaan yang sempurna, kawalan penyakit dan serangga perosak tanaman sawit adalah aspek penting bagi memastikan pengeluaran hasil sawit yang tinggi.

Antara serangga perosak utama tanaman sawit matang ialah ulat bungkus. Peringkat larva serangga ini merosak daun pokok sawit dan merebak melalui pertindanan pelepah dan angin. Pada peringkat awal, larva akan mengkis permukaan atas daun serta menggunakan cebisan daun untuk membuat sarung atau bungkusnya. Kerosakan yang dibuat oleh beratus-ratus mahupun ribuan larva ulat bungkus yang baru menetas boleh menyebabkan daun sawit berlubang, yang akhirnya kering dan mereput.

Tiga jenis ulat bungkus yang menyerang sawit ialah *Metisa plana*, *Pteroma pendula* dan *Mahasena corbetti*. Secara umumnya, *M. plana* dan *P. pendula* adalah spesies ulat bungkus yang paling biasa ditemui di kawasan tanaman sawit. Tatkala ini, kebanyakan kawasan tanaman sawit di Perak dan Johor sedang mengalami serangan ulat bungkus yang agak serius.

Berdasarkan maklumat yang dikumpul oleh MPOB, anggaran keseluruhan kawasan serangan ulat bungkus adalah menghampiri 50,000 hektar. Serangan ulat bungkus pada tahap kerosakan 10 hingga 50 peratus akan mengurangkan hasil buah tandan segar (BTS) sehingga 40 peratus dalam tempoh dua tahun. Pada masa ini, MPOB dan Jabatan Pertanian sedang giat melaksanakan bantahan dan pemantauan ulat bungkus serta pelaksanaan operasi kawalan untuk memastikan populasi ulat bungkus terkawal.

IPM kawal, banteras serangga

MPOB kini sedang giat mewariskan dan menerapkan Sistem Pengurusan Perosak Bersepadu atau 'Integrated Pest Management (IPM)' untuk mengawal serangan ulat bungkus di ladang sawit untuk jangka panjang.

Sistem IPM ini mengandungi empat komponen utama iaitu penggunaan biopestisid berasaskan bakteria bermanfaat, *Bacillus thuringiensis* (Bt), pemasangan perangkap feromon, penanaman tanaman bermanfaat dan agen kawalan biologi seperti serangga parasitoid dan serangga pemangsa bagi mengawal pembiakan populasi ulat bungkus.

Bt adalah sejenis bakteria bermanfaat yang mempunyai toksin hablur yang berupaya membunuh serangga perosak seperti ulat bungkus. Penggunaan Bt tidak mem-

beri kesan sampingan kepada kesihatan manusia, alam sekitar dan ekosistem sejagat.

Bagi mengawal serangan ulat bungkus, MPOB menawarkan semburan Bt melalui udara menggunakan kapal terbang atau 'drone' di kawasan tanaman sawit yang mengalami serangan ulat bungkus. Perkhidmatan ini adalah diberikan percuma untuk pekebun kecil, manakala agensi perladangan akan dikenakan bayaran separuh harga.

Bagi pekebun kecil, beberapa siri ceramah dan kempen kesedaran mengenai teknik IPM ini sedang dijalankan, membabitkan penanaman tanaman bermanfaat yang diusahakan secara bergotong-royong serta pemasangan perangkap feromon.

Penggunaan racun perosak kimia hanya dibenarkan secara suntikan batang pokok menggunakan methamidophos, monocrotophos atau acephate sahaja. Penggunaan racun kimia kelas 1 seperti methamidophos dan monocrotophos perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Pertanian.

Galak guna biopestisid berasas Bt

Bagi rawatan secara semburan, MPOB hanya menggalakkan penggunaan biopestisid berasaskan Bt kerana penggunaan racun perosak yang lain seperti cypermethrin boleh membunuh musuh semula jadi ulat bungkus yang seterusnya akan menyebabkan kerebakkan ulat bungkus yang lebih teruk di masa akan datang.

Sikap segelintir pengusaha tanaman sawit yang tidak menjalankan bantahan populasi serangga serta tidak melaksanakan kawalan dari peringkat awal adalah punca merebaknya ulat bungkus ke kawasan kebun sawit atau ladang berdekatan.

Memandangkan kesan serius serangan ulat bungkus kepada komoditi sawit, Kerajaan Malaysia telah mewartakan ulat bungkus sebagai makhluk perosak berbahaya pada 15 November 2013 di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Warta Kerajaan Persekutuan, Akta 167). Di bawah akta ini, semua pemilik ladang dan kebun sawit dikehendaki mengawal perosak berbahaya mengikut Prosedur Operasi Standard yang telah disediakan.

Sebarang serangan ulat bungkus yang merebak, yakni populasi melebihi paras ambang ekonomik (ETL) perlu dilaporkan segera kepada Jabatan Pertanian dan MPOB. Nilai ETL untuk ulat bungkus spesies *M. plana* dan *P. pendula* adalah 10 larva/pelepah manakala untuk *M. corbetti* pula adalah 5 larva/pelepah.

Tanggungjawab bersama

Adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167) sekiranya perosak berbahaya ini dibiarkan tanpa kawalan. Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pekebun kecil dan pihak pengurusan ladang untuk bersama-sama mengawal serangan ulat bungkus dan melaporkan serangan dengan segera ke Jabatan Pertanian dan MPOB.

MPOB sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat nasihat, kawalan dan strategi dalam menangani serangan ulat bungkus. Ancaman ulat bungkus ini memerlukan kerjasama pelbagai pihak, bagi menangani dan mengawalinya dengan berkesan demi kesejahteraan industri sawit negara.



Aktiviti semburan udara produk Bt yang telah dijalankan di kawasan pekebun kecil sawit persendirian.



Pemasangan perangkap feromon di ladang sawit.



Pokok sawit yang mengalami serangan ulat bungkus mengalami kerosakan daun.

PENGAWALAN ULAT BUNGKUS



PENERAPAN PENGURUSAN PEROSAK BERSEPADU (IPM)

Bacillus thuringiensis (Bt)



(a) Pencelian *Bacillus thuringiensis* di atas agar nutrient; (b) *Bacillus thuringiensis* di bawah mikroskop fasa kontras (100x)



Produk *Bacillus thuringiensis*-TERAKIL-1 (serbuk bancuh)



Produk *Bacillus thuringiensis*-TERACON-1 (larut cair)



Ecobac-1 (EC)



Semburan *Bacillus thuringiensis* menggunakan pam penyembur



Semburan *Bacillus thuringiensis* menggunakan pam penyembur berjenjera



Semburan udara *Bacillus thuringiensis* menggunakan kapal terbang

Tanaman Berfaedah



Cassia cobanensis



Euphorbia heterophylla



Antigonon leptopus

Serangga Bermanfaat



Aulosaphes psychidivorus



Etesmus sp



Goryphus bunoh

PENGGUNAAN RACUN KIMIA (PERLU DIKURANGKAN) SEMBURAN RACUN & SUNTIKAN BATANG

a) Semburan racun untuk sawit muda



Semburan racun



Peralatan untuk suntikan batang

b) Suntikan batang untuk sawit matang



Menebuk lubang



Racun serangga dimasukkan

Pengurusan MPOB turun padang temui pekebun kecil

➔ Program bukti keprihatinan terhadap aktiviti pengembangan, pembangunan pekebun kecil

Oleh Helmi Nazeri
helminazeri@mpob.gov.my

■ Kuala Langat

Program Turun Padang MPOB yang diketuai oleh Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din di kebun sawit milik pekebun kecil sendirian kawasan ini membuktikan keprihatinan pihak penguurusan MPOB terhadap aktiviti pengembangan dan pembangunan sektor pekebun kecil.

Dr Kushairi berserta rombongan dibawa melawat kebun milik pe-

kebun kecil yang mendapat bantuan tanam semula, tanam baharu dan bantuan integrasi tanaman daripada kerajaan yang dikendalikan di bawah MPOB.

Dr Kushairi berkata, program ini merupakan inisiatif pengurusan MPOB untuk turun ke peringkat akar umbi berjumpa dan beramah mesra dengan pekebun kecil serta pegawai TUNAS (Tunjuk Ajar Khidmat Sawit) MPOB yang bertindak di barisan hadapan antara MPOB dengan pekebun kecil sawit.

"Ini selaras dengan permintaan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong yang menyarankan supaya penguurusan MPOB memantau sendiri program-program yang dijalankan.

Beliau juga sempat berkongsi ilmu berkaitan penjagaan pokok sawit dengan pekebun kecil sawit yang dilawati.

Antara kebun yang dilawat adalah milik Ong Ah Chye dari Kampung Johan Setia, Klang. Ong merupakan peserta Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK).



Dr Ahmad Kushairi Din berkongsi maklumat berkaitan pengurusan tanaman sawit dengan pekebun kecil.

130 pokok benih sawit

Beliau menerima bantuan 130 pokok benih sawit daripada RISDA Semaian Sdn Bhd (RSSB) Kesang Pajak pada bulan September, 2013. Di peringkat awal penanaman sekitar awal tahun 2014, kebun miliknya terbakar akibat musim kemarau.

Beliau telah mendapat gantian anak benih sebanyak 117 pokok di bawah skim bantuan yang sama dan ketika ini pokok beliau telah berumur empat tahun. Beliau turut mengamalkan tanaman integrasi nanas bagi mendapatkan hasil yang optimum sekali gus mengurangkan kos penyelenggaraan seperti merumpai.

Kebun kedua yang turut dilawati adalah milik Reta A/P Lajah dari Pulau Carey, Kuala Langat. Beliau merupakan peserta di kalangan orang asli yang telah menerima bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) pada tahun 2011.

Reta menerima 340 pokok benih sawit daripada RISDA Semaian Negeri Perak pada bulan Mac 2012. Menurut beliau, hasil sawit yang

diperolehi setiap bulan sangat memberangsangkan walaupun pokoknya baru berumur lima tahun.

Hasil lebih satu tan setiap bulan

Purata hasil sawit dihasilkan sebulan pada tahun 2017 ini mencecah lebih satu tan setiap bulan.

Reta juga merupakan antara peserta Kelompok Minyak Sawit Mampan (SPOC) Kuala Langat yang telah menerima sijil Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Kebun milik Azman Basarudin di Kampung Jenjarom, Kuala Langat adalah kebun terakhir yang dilawati sempena program turun padang tersebut. Azman adalah penerima bantuan Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Integrasi Tanaman (ITA).

Azman menerima 150 benih sawit daripada syarikat Lee Kim Tze pada bulan September 2016. Pada masa sama, Azman juga telah menanam pokok nanas jenis yenkee di antara barisan sawit yang berkeluasan satu hektar bagi mengelakkan kebunnya dipenuhi semak

di samping dan mengurangkan kos merumpai.

Ini juga menjadi pendapatan sampingan kepada beliau sementara menunggu sawit mengeluarkan hasil. Hasil bantuan ITA yang diperoleh sebanyak RM3,000 sehektar telah meringankan beban beliau untuk menjalankan integrasi nanas dengan sawit.

Selain bekalan anak benih sawit berkualiti, ketiga-tiga pekebun kecil juga menerima bantuan untuk penyediaan tanah atau pembersihan kebun, baja tahun pertama dan kedua serta racun rumpai atau perosak di bawah bantuan TSSPK dan TBSPK dengan jumlah keseluruhan bantuan RM7,500 sehektar.

Pekebun kecil juga dibimbing oleh pegawai TUNAS secara terus dari aspek penjagaan sawit dan pengurusan kebun.

Mereka amat teruja dan menghargai kunjungan pengurusan MPOB ke kebun milik mereka dan berterima kasih dengan bantuan serta khidmat nasihat penjagaan sawit yang berterusan oleh pegawai TUNAS MPOB.

Peserta luar negara peroleh maklumat penting industri sawit

Oleh Hisham Hussain, Nor Asliza Semiran dan Muhammad Hanif Miskandar
hishamhussain@mpob.gov.my, norasliza@mpob.gov.my, mhanif@mpob.gov.my

Putrajaya: Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din berkongsi maklumat penting mengenai minyak sawit untuk dibawa pulang oleh peserta Program Suai Kenal Industri Sawit ke-37 (POFP 2017) yang dihadiri penggiat industri minyak dan lemak antarabangsa daripada 14 buah negara.

Pesanan beliau kepada lebih 30 peserta POFP 2017 ialah minyak sawit adalah makanan dunia; minyak sawit pilihan sihat dan minyak sawit mengandungi fitonutrien yang kaya dengan Vitamin E (tocotrienols dan tocopherols); karotena (penggalak Vitamin A) dan fitonutrien lain seperti *squalene*; *lecithin*; *coenzyme Q10* dan *fitosterol*.

"Sebagai tanaman mampan, minyak sawit memainkan peranan penting dalam membantu mem-

beri makanan kepada dunia. Sawit adalah tanaman paling produktif, paling efisien, pelbagai guna serta kos efektif dan seimbang serta berkhasiat," katanya ketika menyampaikan kuliah terakhir POFP 2017 di sini, baru-baru ini.

Katanya, minyak sawit adalah 10 kali lebih produktif berbanding minyak soya. Ia memberi hasil output tinggi dengan input rendah. Sawit digunakan dalam penyediaan beribu-ribu produk makanan dunia. Ia mengandungi bahagian asid lemak tepu dan tidak tepu yang seimbang.

Kajian lebih 20 tahun (1992-2017) di atas pengambilan minyak sawit oleh manusia menunjukkan bahawa minyak sawit berfungsi seperti minyak *monounsaturated* dalam kesannya terhadap tahap kolesterol walaupun ia mengandungi asid lemak tepu.

"Minyak sawit adalah tanaman paling produktif menyediakan makanan dan tenaga untuk penduduk dunia. Ianya sumber pekerjaan dan ekonomi kepada negara-negara membangun," katanya.

Dr Kushairi berkata industri sa-



Dr Ahmad Kushairi Din ketika menyampaikan pembentangan pada hari terakhir POFP 2017.

wit Malaysia adalah antara tunggak ekonomi negara dan menjana pertumbuhan ekonomi untuk Malaysia.

Pada peringkat MPOB, beliau berkata, MPOB akan terus melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk memastikan penambahbaikan, inovasi dan khidmat nasihat teknikal berkesan yang berterusan dan dilaksanakan untuk semua pihak berkepentingan.

POFP 2017 menyaksikan peserta berinteraksi dengan penggiat industri sawit tempatan termasuk wakil Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PO-RAM). Forum khas itu menjadi wadah kepada peserta untuk mengetahui lebih lanjut perkembangan pasaran produk siap sawit Malaysia di negara-negara pengimport.

Program seumpama ini mem-

beri peluang kepada pihak industri untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada para peserta POFP 2017 dari negara pasaran dan pengimport minyak sawit di seluruh dunia.

Semua peserta amat berpuas hati dalam pengajuran POFP 2017 kali ini yang menyediakan pengisian program yang komprehensif meliputi semua aspek dalam industri sawit termasuk kemampuan, pemakanan, kualiti dan keselamatan minyak sawit.

"Saya amat berterima kasih kepada Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi melalui MPOB kerana telah menganjurkan program yang bertaraf antarabangsa dalam memastikan industri sawit kekal relevan dalam industri minyak dan lemak di seluruh dunia," kata peserta dari India, Subhprada Nishtala.

Katanya, selepas menyertai POFP beliau yakin minyak sawit berkhasiat, bermutu tinggi, dan dihasilkan melalui proses yang mampan serta sesuai digunakan untuk pelbagai aplikasi untuk sektor makanan dan bukan makanan.

Seminar sebar khasiat pemakanan minyak sawit

➔ Khasiat sawit terus diketengahkan

Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim dan Nor Asliza Semiran

aznizan@mpob.gov.my
norasliza@mpob.gov.my

► Sungai Buloh

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dengan kerjasama Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (PERDIM) dan UiTM Private Specialist Centre (UPSC) menganjurkan Seminar Makanan Sebagai Penawar di sini, baru-baru ini.

Seminar berkenaan bertujuan mendidik masyarakat Malaysia mengenai diet Low Carbohydrate High Fat (LCHF) dan lemak sihat.

Seminar yang diadakan di Fakulti Perubatan, UiTM Sungai Buloh itu berjaya menarik 400 pe-

nyertaan yang terdiri daripada pengamal perubatan, ahli farmasi, pakar pemakanan dan publik.

Seminar dirasmikan Penolong Naib Canselor UiTM, Prof Dato Dr Abu Bakar Abd Majeed.

Maklumat tepat, menyeluruh

Seminar seumpama ini adalah medium bagi MPOB menyampaikan maklumat tepat dan menyeluruh mengenai kebaikan dan khasiat pemakanan minyak sawit khususnya kepada kumpulan sasar utama iaitu golongan profesional dalam bidang perubatan, farmasi dan pemakanan.

Seminar itu juga adalah platform menyampaikan maklumat tentang fungsi dan program penyelidikan pemakanan yang dijalankan oleh MPOB.

Seramai empat ahli panel menjayakan seminar ini iaitu Pengarah



Peserta mengunjungi pameran MPOB sempena Seminar Makanan Sebagai Penawar.

Bahagian Penyelidikan Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Rosidah Radzian; Doktor Pakar dan Konsultan di UPSC, Prof. Dr. Nafeeza Ismail; Ahli Parlimen Kuala Kedah, Dr Azman Ismail; dan Pegawai Perubatan Kanan, Kumpulan Perubatan Penawar, Dr Zubaidi Ahmad.

Kelebihan minyak sawit

Rosidah Radzian pada pembentangnya menerangkan secara menyeluruh mengenai penyelidikan pemakanan minyak sawit yang dijalankan oleh MPOB dan program penyelidikan tokotrienol serta kerjasama penyelidikan dengan institusi seperti Kings College London,

Ohio State University dan National Institute for Food and Nutrition Research.

Prof Dr Nafeeza Ismail menerangkan tentang kebaikan amalan diet karbohidrat rendah kepada peserta seminar dan menekankan pengambilan karbohidrat yang rendah dapat mengurangkan kandungan glukosa dalam darah yang sekali gus membendung penyakit diabetes.

Penerangan mengenai *Healthy Fats and Oils* pula telah diberikan oleh Dr Azman Ismail.

Beliau yang juga ahli PERDIM turut menumpukan kepada kebaikan lemak dan minyak dalam diet harian.

Penerangan tentang kelebihan minyak sawit juga telah membuka minda para peserta tentang kebaikan penggunaan minyak sawit dalam menu harian.

Pengamal perubatan yang tidak asing lagi di media sosial Facebook iaitu Dr Zubaidi Ahmad menyampaikan kertas pembentangan mengenai penggunaan makanan sebagai penawar terutama dalam penyakit diabetes.

Kejayaan seminar berkenaan menjadi asas bagi penganjuran program pemakanan minyak sawit yang lebih besar dan juga dapat mengembangkan rangkaian hubungan MPOB dengan badan profesional seperti PERDIM.

Pameran MPOB tarik kunjungan orang ramai kenali sawit



Pameran MPOB dikunjungi peserta yang menghadiri ICAAS 2017.

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) giat menyertai pelbagai pameran anjuran pelbagai agensi dan kerajaan negeri bagi berkongsi manfaat dan khasiat minyak sawit dengan orang ramai terutama pengunjung pameran.

Di Dungun, Terengganu MPOB mengambil bahagian dalam pameran sempena Sambutan Hari Kesihatan Sedunia 2017 Peringkat Negeri Terengganu anjuran Pejabat Kesihatan Daerah Dungun pada awal Ogos lalu di Arena Merdeka Dungun.

Program yang dirasmikan Pengurus Jawatankuasa Kesihatan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Terengganu, Roslee Daud itu dikunjungi lebih 1,000 pengunjung termasuk golongan belia.

Sepanjang pameran berlang-

sung, MPOB memberikan khidmat nasihat serta penerangan kepada umum khususnya tentang kebaikan dan khasiat minyak sawit dalam kehidupan seharian.

Selain pameran produk sawit dan poster aktiviti lain yang turut diadakan di pameran MPOB ialah kuiz sawit dan kaunter khidmat nasihat bagi member penerangan kepada pengunjung tentang industri sawit masa kini.

Pameran antarabangsa

Aktiviti lain yang memeriahkan sambutan berkenaan termasuk kiosk pameran seperti ubat-ubatan, pencegahan diabetes, pemakanan sihat, derma organ, pendidikan pergigian, gaya hidup aktif serta pertandingan masakan sihat. Saringan kesihatan yang dijalankan oleh kumpulan sukarelawan terlatih turut diadakan.

Di Kuching, Sarawak, MPOB menyertai pameran sempena Persidangan Antarabangsa Pertanian dan Industri Asas Tani Sarawak (ICAAS) 2017.

Persidangan antarabangsa yang

julung kali diadakan menampilkan lebih 20 penceramah tempatan dan antarabangsa yang membincangkan dan berkongsi pandangan mengenai isu, cabaran dan peluang dalam sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian.

Persidangan dihadiri lebih 1,500 perwakilan dari sektor awam, sektor perindustrian dan antarabangsa, usahawan, penyelidik dan ahli akademik dari rantau ASEAN.

MPOB yang dijemput mengadakan pameran mengambil peluang memberi pendedahan kepada peserta mengenai visi dan misi MPOB ke arah Transformasi Industri Sawit menjelang 2050.

Di samping itu, MPOB turut mempamerkan poster teknologi dan inovasi ke arah memacu kemakmuran dan kemajuan industri sawit.

ICAAS 2017 yang berlangsung dua hari dirasmikan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK) di Kuching pada akhir Ogos lalu.



Datuk Seri Mah Siew Keong menyampaikan ucapan utama semasa perasmian PINC 2017.

PINC bincang peranan positif bioaktif sawit

➔ Acara anjuran MPOC jadi platform kongsi pengetahuan khasiat produk



<p>1</p> <p>Lemak Trans %</p> <p>Bebas lemak trans</p>	<p>2</p> <p>Mudah dihadam</p>	<p>3</p> <p>Sumber tenaga yang sangat baik</p>
<p>4</p> <p>Sumber asid lemak yang penting</p>	<p>5</p> <p>Membantu meningkatkan paras kolesterol baik - HDL</p>	<p>6</p> <p>Mengandungi Vitamin E tokotrienol</p>
<p>7</p> <p>Khasiat yang seimbang</p>	<p>8</p> <p>Antioksidan yang membantu mencegah strok</p>	<p>9</p> <p>Antioksidan yang membantu menghindar kanser</p>
<p>10</p> <p>Kesan neutral ke atas kolesterol dalam darah</p>	<p>11</p> <p>Bebas kolesterol</p>	<p>M P O C</p>

Persidangan Antarabangsa Nutra-Kosmeseutikal Sawit (PINC) telah dilancarkan oleh Datuk Seri Mah Siew Keong, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi di Le Meridien Putrajaya pada 31 Julai 2017.

PINC 2017 adalah acara penting berkenaan nutrisi minyak sawit yang dianjurkan oleh MPOC untuk membincangkan peranan positif bioaktif sawit termasuk tokotrienol, karotenoid dan fenolik.

Persidangan tersebut membentangkan maklumat terkini mengenai bukti saintifik berkaitan dengan khasiat minyak sawit.

Persidangan ini juga merupakan satu cara untuk berkongsi pengetahuan dan bertukar-tukar pendapat mengenai perkembangan terkini nutrisi minyak sawit, terutamanya dalam sektor bioaktif sawit.

Lebih 180 projek penyelidikan telah dilaksanakan selama lebih dari 30 tahun, dengan matlamat untuk memberikan pemahaman yang lebih baik mengenai minyak sawit dan komponennya dalam kesannya terhadap kesihatan manusia.

Walau bagaimanapun, masih terdapat maklumat salah yang penting mengenai minyak sawit. Oleh itu, PINC 2017 bertujuan untuk membincangkan isu-isu ini dan memberikan maklumat terkini dan betul yang disokong oleh fakta saintifik.

Permintaan meningkat

Dalam ucapannya semasa pelancaran persidangan itu, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata terdapat peningkatan dalam permintaan terhadap makanan kesihatan dan makanan tambahan akibat peningkatan kesedaran pengguna global, terutamanya mengenai pemakanan sihat.

Pasaran produk nutrasetikal global adalah bernilai kira-kira USD 205.39 bilion pada 2016 dan dijangka mencecah sekitar USD 294.79 bilion menjelang 2022, pada CAGR sebanyak 6.3% dari 2017 hingga 2022.

Ini memberi banyak peluang dalam sektor bioaktif, termasuk Vitamin E-tokotrienol, karotenoid dan fenolik. Pada masa ini, Ma-

laysia telah menghasilkan kira-kira 40,000 hingga 50,000 kg Vitamin E-tokotrienol berasaskan sawit setiap tahun bernilai USD 16 juta.

Menurut Datuk Seri Mah Siew Keong, sektor bio-aktif sawit juga boleh memainkan peranan penting dalam aplikasi bukan-makanan yang terpilih, seperti dalam kosmetik dan industri penjagaan diri disebabkan oleh keupayaan antioksidan yang kuat dan sifat-sifat anti-penuaan.

“Perkembangan semasa yang memihak kepada formulasi semula jadi adalah satu potensi untuk mewujudkan sektor pertumbuhan yang lumayan bagi bioaktif berasaskan sawit dalam,” katanya.

Mengulas mengenai potensi sektor bioaktif sawit, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, beliau berharap PINC digunakan sebagai platform untuk usaha perniagaan baru.

Beliau menggalakkan komuniti perniagaan untuk berinteraksi dengan wakil dari industri nutrasetikal untuk meneroka usaha kerjasama dan potensi perkongsian.

Rai ulang tahun ke-100

Industri minyak sawit Malaysia meraikan ulang tahun ke-100 tahun ini. Penanaman komersil *Elaeis guineensis* Jacq. di Tennamaram Estate, Batang Berjuntai, Selangor, pada 1917, meletakkan asas untuk industri minyak sawit yang berdaya maju.

Dalam tempoh 100 tahun yang lalu, pembangunannya yang pesat dan mampan juga telah membantu membasmi kemiskinan tegar luar bandar, membangunkan komuniti dan perbandaran, serta mempelopori kepimpinan global dalam penyelidikan minyak dan lemak.

PINC 2017 adalah acara ke-5 yang dianjurkan sejak pengenalannya pada tahun 2009. Acara 2 hari ini menentang 24 penceramah yang membentangkan kertas kerja tentang manfaat kesihatan tokotrienol sawit, fenolik sawit, minyak sawit dalam kesihatan dan pemakanan, cabaran semasa dan isu baharu dalam nutrisi minyak sawit, serta cabaran dan pandangan 3-MCPD/Glycidyl Esters.

Fakta menarik tentang khasiat dan kebaikan minyak sawit Malaysia



Teknologi memainkan peranan penting dalam kemajuan industri sawit

Dewasa ini, Malaysia dikenali sebagai antara negara pengeluar utama minyak sawit terbesar dunia. Namun begitu, sebagai pengeksport besar, Malaysia juga tidak lari dari menghadapi cabaran global untuk terus kukuh dalam pasaran dunia.

Bagi mendepani cabaran tersebut, teknologi adalah amat penting untuk kemajuan industri sawit agar terus berdaya saing dan kukuh dalam pasaran. Teknologi, penyelidikan intensif serta inovasi baharu adalah amat perlu kerana ia merupakan pemangkin bagi meningkatkan produktiviti sawit serta mempelbagaikan kegunaan serta produk berasaskan sawit.

Sebagai contoh, penggunaan teknologi yang merangkumi penggunaan baka, kawalan penyakit, pengurusan ladang, alatan, mesin dan proses dapat menyelesaikan masalah khususnya berkaitan dengan kemampuan, keselamatan dan kecekapan. Malahan, dapat meningkatkan produktiviti sekaligus menghasilkan minyak sawit yang berkualiti.

Ini telah membuktikan bahawa peranan teknologi ke arah industri sawit yang lebih maju adalah sangat signifikan. Jadi, kepelbagaian teknologi berserta penyelidikan intensif haruslah dilaksanakan bagi memastikan industri sawit Malaysia kekal berdaya saing. Kepentingan teknologi jelas terbukti dan disedari dengan kejayaan pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menghasilkan sebilangannya telah berjaya dikomersialkan.



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Amiruddin Ahmad
SMK Bukit Goh, Kuantan

Antara kejayaan pengkomersialan MPOB adalah pembinaan kilang berasaskan teknologi pengeluaran biodiesel MPOB di Malaysia, Thailand, Korea Selatan dan Columbia. Teknologi serta inovasi yang telah dibangunkan MPOB juga sentiasa mendapat pengiktirafan pelbagai badan antarabangsa.

Misalnya, kejayaan MPOB sehingga memenangi 38 pingat kecemerlangan iaitu 23 emas, 12 perak dan 3 gangsa di ITEX 2016. Di MTE 2015, MPOB memenangi 2 emas, 2 perak dan 2 gangsa. Pada SIFF 2015 pula, MPOB berjaya mendapat 3 emas dan 2 gangsa.

Pameran ITEX, MTE dan SIFF adalah pentas global untuk pencipta dan penyelidik mempamerkan ciptaan berkaitan teknologi dan inovasi. Ia bermatlamatkan untuk melonjakkan produktiviti, memperbaiki proses serta memperkenalkan teknologi dan inovasi baharu.

Ternyata sekali bahawa

kepentingan teknologi bukan sahaja untuk produktiviti, malahan mampu membawa nama industri sawit Malaysia di pentas antarabangsa. Dengan pengenalan serta penyerapan teknologi pastinya mampu memodenkan industri sawit Malaysia serta memberi pelbagai penyelesaian dalam proses serta masalah yang sering dihadapi peladang dan pengusahanya ladang sawit.

Teknologi bukan sahaja mencipta sesuatu yang baharu, tetapi ia memudahkan sesuatu pekerjaan. Dengan adanya teknologi ia dapat memudahkan proses pengilangan, penanaman malahan meningkatkan kualiti minyak sawit sedia ada dan akan datang.

Bagi memastikan permintaan minyak sawit Malaysia terus stabil, komoditi ini perlu menepati piawaian kualiti minyak sawit yang terbaik serta memenuhi kriteria kemampuan sekaligus menjadi pilihan utama pengimport. Di sinilah peranan teknologi amat penting bagi membantu menghasilkan kualiti minyak sawit terbaik.

Teknologi turut membantu kemajuan industri sawit dengan menangani masalah penyakit yang mengancam tanaman sawit. Sebagai contoh kepekaan MPOB bagi permasalahan ini adalah dengan terhasilnya teknologi EMBIO™ actinoPLUS powder for Controlling Ganoderma Disease on Oil Palm. Teknologi formulasi serbuk kering EMBIO™ actinoPLUS dibangunkan dengan bersandarkan konsep teknologi hijau bagi tujuan kawalan penyakit Ganoderma.

Industri sawit berpotensi maju ke tahap yang lebih tinggi dengan sokongan teknologi

Memperkatakan tentang industri kelapa sawit di Malaysia adalah lebih elok jika kita menelusuri sejarah awal bagaimana industri ini mula-mula bertapak di Malaysia.

Menurut sejarah, industri ini bermula pada tahun 1917 apabila benih kelapa sawit Dura mula ditanam di Rantau Panjang Kuala Selangor. Ini bermakna industri sawit telah bertapak selama seratus tahun di negara kita. Dengan permulaan penanaman pokok yang pertama itu, industri sawit telah berkembang pesat sehingga menjadi komoditi utama negara. Malah Malaysia telah menjadi pengeluar minyak sawit utama dunia.

Walaupun bagaimanapun, industri sawit tidak terlepas dari masalah. Antara masalah yang dihadapi oleh industri ini sendiri adalah kekurangan tenaga kerja tempatan yang berminat untuk bekerja atau terlibat dalam industri sawit.

Selain itu, pokok sawit itu sendiri tidak terlepas dan penyakit seperti serangan kumbang badak dan penyakit ganoderma. Malahan selain dari masalah yang datang dari dalam industri sawit itu sendiri, kita tidak terlepas dari masalah yang datang dari luar, seperti banyak negara yang mula menanam sendiri sawit. Selain itu, terdapat usaha dari negara luar yang cuba memburuk-burukkan industri sawit Malaysia.

Industri sawit tidak dapat mengelak dari menghadapi masalah yang disebut tadi. Tetapi industri sawit boleh menyelesaikan atau



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Zaharudin Rohman
Sungai Besi, Kuala Lumpur

mengurus masalah itu dengan sokongan teknologi. Teknologi bukan sekadar bermaksud mesin, tetapi ia juga melibatkan penyelidikan. Dari segi bahasa itu sendiri teknologi ialah aplikasi pengesahan sains yang boleh memanfaatkan serta menyelesaikan masalah manusia yang dihadapi dalam kehidupan seharian.

Dalam industri sawit terdapat usaha penyelidikan yang berterusan dari pihak swasta dan kerajaan untuk terus memacu industri ini. Umum mengetahui bagaimana Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sentiasa berusaha untuk memastikan industri sawit maju ke tahap yang lebih tinggi dengan sokongan teknologi.

Antara teknologi sedia ada yang diperkenalkan oleh MPOB untuk industri ini ialah pensterilan berterusan dan teknologi dandang baru. Dua teknologi ini merupakan teknologi pengilangan holestik. Ope-

rasi dijalankan secara berterusan melalui kawalan komputer.

Selain itu, teknologi seperti pembuangan benda asing menggunakan proses pemisahan dua peringkat bagi pengasingan benda asing bersama buah lerai daripada tandan kosong. Terdapat juga teknologi kitar semula. Teknologi ini menggalakkan usaha pengeluaran tenaga melalui biodiesel sawit.

Selain itu, teknologi yang diperkenalkan oleh MPOB dengan kerjasama UPM berjaya mencipta dan memperkenalkan 'inovasi E-Cutter'. 'E-Cutter' merupakan mesin pencantas elektrik khas untuk menuai buah serta pelepas kelapa sawit.

Kelebihan 'E-Cutter' adalah ringan, kecil, mudah alih tetapi berkuasa tinggi untuk digunakan oleh peladang. Mesin ini mampu mencapai asas tuaian sehingga 10 meter tinggi. Teknologi ini merupakan penggantian alat mekanikal kepada elektrik yang lebih ekonomik.

Sokongan teknologi dalam industri sawit tidak terhad kepada jentera atau mesin yang canggih sahaja. Tetapi ia berkait rapat juga dengan penyelidikan seperti penyelidikan biji benih sawit.

Tanpa meniadakan usaha yang dilakukan oleh agensi-agensinya yang berkaitan dalam industri sawit dalam penyelidikan untuk menghasilkan baka kelapa sawit yang terbaik malahan sawit yang ada sekarang bukanlah dari benih asal kelapa sawit seratus tahun lepas.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT SEPTEMBER 2017

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: 'Industri sawit mampan jamin kualiti minyak sawit. Bincangkan.'

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 © Hadiah Pertama: **RM250**
 © Hadiah Kedua: **RM200**
 © Hadiah Ketiga: **RM150**

Kategori 2: Awam
Tajuk: 'Amalan mampan dalam industri sawit jadi teras peningkatan penggunaan minyak sawit. Bincangkan.'

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam *Berita Sawit* keluaran bulan OKTOBER 2017 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Ogos 2017

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Amiruddin Ahmad
SMK Bukit Goh
Kuantan, Pahang

Hadiah Kedua
Jasmine Safura Rasidi
SMK Zainab
Kota Bharu, Kelantan

Hadiah Ketiga
Tiada pemenang

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Zaharudin Rohman
Sungai Besi,
Kuala Lumpur

Hadiah Kedua
Abdul Muttalib Ramli
Lumut, Perak

Hadiah Ketiga
Wan Hasnidah Wan Johari
Shah Alam, Selangor

Syarat Penyertaan

- © **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- © **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas
- © Bukan kakitangan MPOB
- © Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- © Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- © Keputusan juri adalah muktamad
- © Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 September 2017.
- © Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong menjawab soalan Ahli Majlis Senator Malaysia pada Majlis Taklimat Isu-Isu dan Pelaksanaan Aktiviti Industri Sawit dan Getah Negara yang diadakan di Bangunan Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur.



Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur semasa majlis perasmian Program Suai Kenal Industri Sawit 2017 di Putrajaya.



Dr. Ahmad Kushairi Din ketika membentangkan kertas kerja berkaitan sawit di 15th EUROfed Lipid Congress di Uppsala, Sweden.



Pengerusi MPOB, Datuk Seri Ahmad Hamzah menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta Program Suai Kenal Industri Sawit (POFP) 2017 di Putrajaya.



Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din bersama pekebun kecil Orang Asli, Reta anak Lajah (tujuh dari kiri) yang menyertai skim Kelompok Sawit Mampan (SPOC), semasa Program Turun Padang MPOB di Pulau Carey, Selangor.